

11/07/2003

Umat Islam perlu pendekatan baru berteraskan ilmu: Dr M

reports on "Multaqā Ulama Sedunia 2003" by Mohd Azlan Jaafar; Kadir PUTRAJAYA: Umat Islam memerlukan pendekatan baru yang menekankan ilmu pengetahuan supaya tidak terus diaibkan dan dihina, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pendekatan yang akan menjadi panduan dalam tingkah laku dan perakuan itu juga harus berdasarkan ajaran Islam sebenar

dan bukan berbentuk fanatik atau tafsiran salah yang menyongsangkan ummah.

"Kita boleh perkenalkan pendekatan baru iaitu melalui ilmu pengetahuan dengan menetapkan pendirian dan sikap yang berbeza daripada Barat.

"Ilmu adalah satu pemberian Allah dan melalui ilmu saja kita dapat pertahankan ummah dan menghalang daripada dihina serta diaibkan oleh orang lain.

"Masalah timbul apabila kita lupa kepada agama dan akhirnya menjadi fanatik atau salah tafsiran mengenai Islam. Malah, agama Kristian pun disalah tafsir oleh fundamentalis Kristian dan begitu juga Yahudi," katanya pada sesi dialog selepas merasmikan Multaqā Ulama Sedunia di sini.

Dr Mahathir yang bakal mempengerusikan persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober ini, ditanya oleh salah seorang peserta mengenai formula bagi mengembalikan kegemilangan negara dan umat Islam.

Perdana Menteri berkata, umat Islam perlu mengikis fahaman sempit mengenai agama selain tidak mengabaikan tuntutan fardu kifayah.

Katanya, umat Islam juga tidak harus menjadi bongkak dan melupakan agama dalam usaha mengejar ilmu pengetahuan serta tidak terikut-ikut cara dunia Barat dalam beberapa perkara.

"Ada kalangan mereka yang mendapat pengetahuan daripada orang Eropah dan Barat sanggup mengatakan bahawa mereka tidak perlukan agama lagi kerana berpendapat mereka tahu segala-galanya.

"Mereka rasa mereka boleh melakukan apa saja, tidak perlu ada agama dan tidak perlu ada tuhan kerana mereka mempunyai pengetahuan. Jika mereka mahu ke bulan, mereka hanya menaiki kapal angkasa dan terbang ke bulan.

"Tetapi mereka harus ingat, Allah mencipta segala-galanya dan dengan itu kita tidak boleh menjadi angkuh walaupun memenangi sesuatu peperangan," katanya.

Dr Mahathir juga menekankan pentingnya umat Islam mengejar ilmu pengetahuan kerana ia dapat mengukuhkan lagi kepercayaan mereka terhadap Islam dan Allah.

Beliau berkata, Malaysia contohnya, membelanjakan lebih 20 peratus daripada belanjawannya untuk pendidikan kerana yakin ia adalah cara terbaik bagi memartabatkan Islam dan penganutnya.

Dr Mahathir juga berkata, umat Islam yang mempelajari subjek seperti

sains tidak harus melupakan agama serta menjadi bongkak dengan mengatakan bahawa mereka tahu segala-galanya.

"Itu adalah pemikiran sempit kerana sains, contohnya hanya menjawab persoalan mengenai bagaimana sesuatu perkara itu berlaku dan bukannya mengapa ia berlaku," katanya.

Sambil memberikan formula mudah mengenai bagaimana gabungan dua hidrogen dan satu atom oksigen boleh menjadi air (H₂O), Dr Mahathir berkata saintis bagaimanapun tidak dapat menjawab mengapa ia menjadi demikian dan bukannya kerana gabungan elemen-elemen lain.

Dr Mahathir berkata, perkara yang berlaku juga adalah mengikut kehendak Allah, dan manusia harus mengakui bahawa ada kuasa yang lebih besar yang tidak dapat difahami manusia dan dijelaskan segala-galanya mengenai bumi.

"Mempunyai ilmu pengetahuan mengenai sains akan mengukuhkan lagi kepercayaan seseorang terhadap agama dan Allah," katanya.

Menjawab soalan lain sama ada multatqa itu akan menyarankan supaya diadakan dialog ketamadunan kerana ramai pakar yang kini memperkatakan mengenai perbalahan ketamadunan, Dr Mahathir berkata:

"Umat Islam perlu memahami Islam dengan menyeluruh sebelum mengadakan dialog ketamadunan dengan bukan Islam.

"Walaupun idea mengadakan dialog itu baik, umat Islam harus mengkaji diri mereka terlebih dulu kerana tidak ada antara mereka yang benar-benar memahami Islam.

"Kita perlu memastikan kita tahu di mana kedudukan kita. Sesetengah orang berkata adalah salah walaupun untuk bercakap dengan bukan Islam. Adalah salah untuk berhubung dengan mereka, untuk bekerja dan bermain dengan mereka ... saya rasa, ini adalah mitos yang perlu ditolak," katanya.

Dr Mahathir turut menjelaskan pentingnya umat Islam bersikap terbuka dan Islam itu sendiri bukan penghalang kepada interaksi mereka dengan bukan Islam.